

# Sambutan besar untuk Ku Li di KB esok

Bahan asal dari Arkib

Negara Malaysia

**KUALA LUMPUR, Rabu.** — Kira-kira 30,000 rakyat Kelantan, terutama ahli-ahli UMNO akan menyambut Tengku Razaleigh Hamzah, di lapangan terbang Pengkalan Chepa dekat Kota Bharu bila beliau melawat negeri itu Jumaat ini.

Inilah pertama kalinya Menteri Kewangan kembali ke Kelantan selepas Perhimpunan Agung UMNO ke 32 akhir bulan lalu.

Beliau yang juga Pengerusi Badan Perhubungan UMNO Negeri Kelantan dijangka berada di negeri itu selama dua hari.

Sumber-sumber UMNO Kelantan memberitahu, Tengku Razaleigh akan diberi sambutan meriah oleh kira-kira 30,000 orang terutama ahli-ahli UMNO dari 12 Bahagian setibanya di lapangan terbang itu pagi Jumaat ini.

Sambutan seumpama itu adalah atas permintaan rakyat dan ahli-ahli UMNO sendiri bagi menandakan sokongan penuh mereka kepada Tengku Razaleigh walaupun tidak terpilih ke jawatan Timbalan Presiden UMNO.

Tengku Razaleigh akan dilarak sejauh kira-kira lima batu dari lapangan terbang itu ke kediamannya di Palm Manor, Kota Bharu.

Menteri Besar Kelantan, Datuk Haji Mohamad Yaakob, Timbalannya Datuk Haji Hussein Ahmad, Ahli-ahli EXCO Kerajaan dari UMNO, Ahli-ahli Dewan Undangan Negeri dan Parlimen adalah diantara para pemimpin yang akan menyambut ketibaan Tengku Razaleigh.

Tengku Razaleigh dijangka akan membuat ucapan penting keputusan muktamadnya mengenai penyerahan beliau dalam Kerajaan pada hari tersebut.

Sumber-sumber itu berkata, rakyat Kelantan, khususnya 130,000 ahli-ahli UMNO negeri itu akan berdiri teguh dan terus memberi sokongan bulat kepada Tengku Razaleigh sebagai pemimpin parti.

UMNO Kelantan juga akan memberi sokongan dan kerjasama kepada Presiden baru UMNO, Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad.

Pengumuman penting yang dijangka dibuat oleh Tengku Razaleigh itu mungkin berhubung dengan hasil perbincangannya dengan Datuk Seri Dr. Mahathir.

Tengku Razaleigh menemui Dr. Mahathir petang kelmarin bagi membincangkan kedudukan beliau dalam kabinet baru nanti.

Kedua pemimpin itu dijangka berunding lagi kerana perbincangan kelmarin berakhir tanpa mencapai keputusan kongkrit.

Sebelum ini, Tengku Razaleigh menegaskan prinsipnya untuk tidak menyertai Kerajaan, jika tidak terpilih dalam pertandingan bagi jawatan Timbalan Presiden UMNO.

Bagaimanapun beliau berikrar untuk terus berkhidmat kepada parti dan negara selagi tenaganya diperlukan.

Bekas Presiden UMNO, Datuk Hussein Onn dan Presiden yang baru, Datuk Seri Dr. Mahathir dan lebih 1,000 perwakilan di Perhimpunan Agung UMNO baru-baru ini merayu agar Tengku Razaleigh akan terus kekal berada di dalam Kerajaan.